

**Utusan, Pemuda Umno hipokrit bincang filem The New Village
Malaysian Insider
July 29 , 2013**

Lim Guan Eng (gambar) menyifatkan Utusan Malaysia dan Pemuda Umno sebagai hipokrit kerana berkeras mahu mengambil tindakan terhadap filem The New Village kerana didakwa ada unsur komunis

Sedangkan, Setiausaha Agung DAP itu, berkata tiada tindakan terhadap Khairy Jamaluddin yang membentuk pakatan antara Pemuda Barisan Nasional dengan Liga Pemuda Komunis China (Communist Youth League of China, CYL).

Sebaliknya, beliau mendakwa, mereka mengkritik filem itu kononnya memutar belit fakta sejarah dan menghasut masyarakat mengagungkan Parti Komunis Malaya (PKM) sebagai wira.

"Mereka bermain dengan api perkauman dan pembohongan demi memecah belah negara dengan tembok kebencian dan ketakutan apabila mempersoal kelulusan filem yang mereka dakwa memuliakan komunisme.

"Jika ikhlas menentang komunisme, kenapa Utusan dan Pemuda Umno tidak membantah ikatan diplomatik antara Malaysia dan negara komunis seperti China, Cuba dan Vietnam?

"Ini bukannya hubungan antara kerajaan dengan kerajaan tetapi hubungan terus antara parti politik dengan parti politik," katanya.

Utusan semalam melalui kolumnis Awang Selamat menuduh penerbit filem The New Village mahu menulis semula sejarah dengan mengangkat perjuangan komunis.

Beliau berkata, penerbitan filem berkenaan sebagai usaha mengiktiraf perjuangan komunis termasuk Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM), Chin Peng.

Awang turut menyelar kerajaan kerana filem The New Village mendapat kebenaran Finas untuk ditayang terlebih dahulu berbanding Tanda Putera yang lama terperap.

The New Village diarah oleh Wong Kew Lit dan diterbitkan oleh Astro Shaw dengan barisan pelakonnya tidak membabitkan pelakon Melayu dan India.

Ia mengisahkan kejadian darurat di Tanah Melayu pada 1949 dan mempapar PKM dan Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) sebagai pejuang kemerdekaan. – 29 Julai, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/utusan-pemuda-umno-hipokrit-bincang-filem-the-new-village>

